SPRM Kukuhkan Siasatan Kes Bekas Setiausaha Politik Seleweng Dana Rm1.1 Juta
Bernama
24 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengukuhkan lagi siasatan kes membabitkan seorang bekas setiausaha politik bergelar 'Datuk' berhubung penyelewengan dana lebih RM1.1 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata suruhanjaya itu telah menyempurnakan siasatan kes itu, namun Jabatan Peguam Negara (AG) memberi arahan agar kekuatan kes itu dipertingkatkan bagi membolehkan ia dapat dituduh di mahkamah.

"Kita telah diminta AG untuk lihat kepada perkara yang lebih dalam dan lebih jauh kes ini kerana pihak AG 'concern' mengenai perkara tersebut.

"...kerana sekiranya sesuatu kes itu dibawa ke mahkamah dan akhirnya dibuang atau kalah, yang terpalit atau menjadi sasaran adalah mereka (AG) kerana seolah-olah tidak menjalankan tugas dengan betul," katanya pada taklimat bertajuk 'Berwibawakah SPRM' anjuran Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di sini, Isnin.

Bekas setiausaha politik yang ditahan bersama seorang pengarah yayasan, masing-masing berumur 30-an dan awal 50-an, didakwa terbabit pecah amanah wang melebihi RM1.1 juta dan penipuan melibatkan dana RM1 juta.

Penyelewengan itu melibatkan tiga buah yayasan, yang tidak didaftarkan sebagai badan kebajikan atau pertubuhan, sebaliknya bergerak sebagai sebuah syarikat dengan tanggungan berhad.

Kedua-dua individu terbabit memegang jawatan sebagai pengarah dan pemegang amanah yayasan-yayasan terbabit dan difahamkan wang telah dikeluarkan bertentangan dengan objektif penubuhan yayasan.

Abu Kassim berkata terdapat dua kemungkinan kes itu, iaitu sama ada ia akan dituduh di mahkamah ataupun dibawa ke Jawatankuasa Penilaian Operasi yang akan memantau atau mempersoal mengapa kes itu tidak dituduh sedangkan keterangan yang cukup sudah diperoleh.

"Di sini terdapat 'check and balance', dan saya yakin, arahan AG adalah untuk kebaikan SPRM semasa kes ini dibawa ke mahkamah. Saya berharap kes ini dapat diputuskan secepat mungkin," katanya

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024290